

**KAJIAN PENDAPAT UMUM BERTAJUK  
“AKTIVITI PENYALAHGUNAAN KETUM DALAM KALANGAN PENDUDUK DI  
NEGERI PERLIS”**

---

**1.0 ISU DAN PERMASALAHAN**

Mengetahui sejauh manakah aktiviti penyalahgunaan ketum berlaku dalam kalangan penduduk di negeri Perlis.

**2.0 OBJEKTIF**

Objektif yang ingin dicapai adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui stigma penggunaan ketum dikalangan penduduk di negeri Perlis (pelbagai peringkat umur);
- ii. Mengetahui sejauh manakah kesedaran penyalahgunaan ketum ke atas aspek kesihatan; dan
- iii. Mengetahui sejauh manakah kesedaran penyalahgunaan ketum ke atas keutuhan institusi keluarga.

**3.0 KUMPULAN SASAR**

Masyarakat umur berumur 18 tahun dah ke atas yang menetap di Perlis.

**4.0 JANGKAAN HASIL**

Antara jangkaan hasil ialah:

- i. Menjadi asas dalam pelaksanaan program advokasi yang bersesuaian ke arah pengukuhan istituti keluarga; dan
- ii. Hebahan penemuan kajian kepada umum melalui media massa dan media sosial.

## SOAL SELIDIK KAJIAN PENDAPAT UMUM LPPKN PERLIS

### AKTIVITI PENYALAHGUNAAN KETUM DALAM KALANGAN PENDUDUK DI NEGERI PERLIS

---

#### **TUJUAN**

LPPKN ingin membuat kajian pendapat umum mengenai “**Aktiviti Penyalahgunaan Ketum Dalam Kalangan Penduduk di Negeri Perlis**”. Maklumat daripada tinjauan pendapat ini boleh membantu agensi yang berkaitan khususnya KPWK dan LPPKN dalam menambah baik program kekeluargaan yang telah atau akan dilaksanakan. Maklumat yang diberikan oleh tuan/puan adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama tuan/puan mengisi soal selidik ini amat kami hargai.

#### **KRITERIA RESPONDEN**

Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas serta menetap di Perlis.

---

#### **Bahagian A: Maklumat Responden**

1. Nama kawasan tempat tinggal: .....
2. Jantina:
  - Lelaki
  - Perempuan
3. Umur:
  - 18 – 24 tahun
  - 25 – 34 tahun
  - 35 – 44 tahun
  - 45 – 54 tahun
  - 55 tahun dan ke atas
4. Etnik:
  - Melayu
  - Cina
  - India
  - Bumiputera Sabah
  - Bumiputera Sarawak
  - Lain – lain (Nyatakan) : .....

5. Status Perkahwinan:

- Bujang
- Masih berkahwin
- Balu/Duda
- Bercerai/Berpisah

6. Tahap Pendidikan Tertinggi:

- Rendah
- Menengah
- Tertiari
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

7. Status Pekerjaan:

- Bekerja sendiri
- Pekerja kerajaan
- Pekerja swasta
- Pesara
- Tidak bekerja (termasuk suri rumah)
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

8. Pendapatan Isi Rumah (termasuk pasangan):

- RM1,000 dan ke bawah
- RM1,001 – RM3,000
- RM3,001 – RM6,000
- RM6,001 – RM9,000
- RM9,001 dan ke atas
- Tidak berkenaan

## **Bahagian B: Pengetahuan dan Kesedaran Mengenai Penyalahgunaan Ketum**

9. Apakah yang anda tahu mengenai air ketum?

- Sejenis minuman untuk kesihatan dan tenaga
- Sejenis minuman untuk tujuan perubatan
- Sejenis minuman yang memberi kesan seperti dadah
- Lain-lain (Nyatakan).....

10. Adakah anda pernah minum air ketum?

- Ya
- Tidak

11. Jika (YA), bagaimanakah anda mendapatkan minuman tersebut?

- Beli
- Buat / masak sendiri
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

12. Apakah tujuan anda meminumnya?

- Sebagai ubat kepada penyakit yang sedang dihidapi
- Untuk menambah tenaga ketika belajar / bekerja
- Untuk menenangkan fikiran
- Untuk mendapatkan khasiatnya
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

13. Pada pendapat anda, apakah kesan **UTAMA** yang akan berlaku kepada keluarga jika terdapat ahli keluarga anda yang ketagihan ketum?

- Tiada apa-apa masalah
- Masalah keganasan rumahtangga
- Menyebabkan perpecahan keluarga
- Kerapuhan rumahtangga/perceraian
- Masalah kewangan
- Keluarga akan disisihkan oleh masyarakat
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

14. Sila nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan pernyataan berikut:

<b>PERNYATAAN</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak pasti</b>
i. Meminum air ketum akan memberi kesan buruk kepada kesihatan kita kerana akan merosakkan otak dalam jangka masa panjang			
ii. Meminum air ketum adalah merbahaya kerana kesannya adalah sama seperti dadah dan akan menyebabkan ketagihan.			
iii. Meminum air ketum boleh merawat penyakit seperti kencing manis dan darah tinggi			
iv. Meminum air ketum adalah baik sebagai penambah tenaga untuk belajar / bekerja			
v. Saya akan membuat laporan kepada polis jika melihat orang memasak/ menjual air ketum			
vi. Saya bersetuju supaya ketum diletakkan dibawah akta dadah merbahaya			
vii. Ketum memberi lebih banyak kebaikan dari keburukan			

15. Dari manakah anda mendapatkan maklumat (seperti kebaikan, keburukan) mengenai ketum?

- Kawan – kawan
- Ibu bapa
- Guru/Ustaz/Ustazah
- Ceramah/taklimat/kempen
- Media cetak
- Media elektronik
- Media sosial
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

**TERIMA KASIH**  
**KERJASAMA ANDA MENJAWAB SOAL SELIDIK INI AMAT DIHARGAI**

**KAJIAN PENDAPAT UMUM BERTAJUK  
“PENERIMAAN DAN PEMAHAMAN IBU BAPA BERKAITAN MODUL  
PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF REMAJA”**

---

**1.0 ISU DAN PERMASALAHAN**

Mengetahui sejauh manakah penerimaan ibu bapa berkaitan modul pendidikan kesihatan reproduktif remaja jika ia diperkenalkan sebagai salah satu pendidikan ko-kurikulum di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan.

**2.0 OBJEKTIF**

Objektif yang ingin dicapai melalui kajian tinjauan pendapat umum adalah seperti berikut :

- i. Mengetahui sejauh manakah penerimaan ibu bapa berhubung pendidikan kesihatan reproduktif dan seksual remaja terutama yang belajar di sekolah agama.
- ii. Mengetahui sejauh mana pemahaman ibu bapa berkaitan modul pendidikan kesihatan reproduktif yang sering dilihat sangat sensitif terutama dikalangan ibu bapa yang menghantar anak-anak di sekolah agama.
- iii. Apakah cabaran yang perlu dihadapi jika LPPKN ingin memperkenalkan modul pendidikan kesihatan reproduktif secara bersasar kepada sekolah agama.

**3.0 KUMPULAN SASAR**

Ibu bapa yang anak remaja (15-18 tahun) yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Agama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan di Negeri Kedah.

**4.0 JANGKAAN HASIL**

Antara jangkaan hasil ialah :

- i. Menjadi asas kepada penawaran kursus pendidikan kesihatan reproduktif remaja dan modul yang bersesuaian kepada kumpulan sasaran remaja yang bersekolah agama.
- ii. Penemuan data ini membantu dalam menyediakan plan dasar pelaksanaan pendidikan kesihatan reproduktif di sekolah-sekolah agama oleh kerajaan negeri.

## SOAL SELIDIK KAJIAN PENDAPAT UMUM LPPKN KEDAH

### PENERIMAAN DAN PEMAHAMAN IBU BAPA BERKAITAN MODUL PENDIDIKAN KESIHATAN REPRODUKTIF REMAJA

---

#### **TUJUAN**

LPPKN ingin membuat kajian pendapat umum mengenai “**Penerimaan dan Pemahaman Ibu Bapa Berkaitan Modul Pendidikan Kesihatan Reproductif Remaja**”. Maklumat daripada tinjauan pendapat ini boleh membantu agensi yang berkaitan khususnya KPWK dan LPPKN dalam menambah baik program kekeluargaan yang telah/akan dilaksanakan. Maklumat yang diberikan oleh tuan/puan adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama tuan/puan mengisi soal selidik ini amat kami hargai.

#### **KRITERIA RESPONDEN**

Ibu/bapa yang mempunyai anak remaja berumur 15 tahun hingga 18 tahun yang bersekolah di Sekolah Kebangsaan Agama dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan

---

#### **Bahagian A: Maklumat Responden**

1. Daerah Tempat Tinggal:

- Sungai Petani
- Alor Setar
- Kulim
- Kubang Pasu
- Baling
- Pendang
- Langkawi
- Yan
- Sik
- Padang Terap
- Pokok Sena
- Bandar Baharu

2. Jantina:

- Lelaki
- Perempuan

3. Umur (tahun): .....
4. Bilangan anak remaja (15 - 18 tahun) ; ..... orang
5. Status Perkahwinan:
  - Masih berkahwin
  - Balu/Duda
  - Bercerai/Berpisah
6. Tahap Pendidikan Tertinggi:
  - Rendah
  - Menengah
  - Tertiari
  - Lain – lain (Nyatakan) : .....
7. Status Pekerjaan:
  - Bekerja sendiri
  - Pekerja kerajaan
  - Pekerja swasta
  - Pesara
  - Tidak bekerja (termasuk suri rumah)
  - Lain – lain (Nyatakan) : .....
8. Pendapatan Isi Rumah (termasuk pasangan):
  - RM1,000 dan ke bawah
  - RM1,001 – RM3,000
  - RM3,001 – RM6,000
  - RM6,001 – RM9,000
  - RM9,001 dan ke atas
  - Tidak berkenaan

## **Bahagian B: Kefahaman Ibu Bapa dan Penerimaan Mereka Terhadap Perkara Berkaitan Kesihatan Reproduksi**

9. Pernahkah tuan/puan bercakap dengan anak-anak hal-hal berkaitan kesihatan reproduktif?

- Ya
- Tidak

10. Jika **TIDAK**, mengapa?

- Malu
- Tidak tahu bagaimana mahu menyampaikannya
- Tidak perlu
- Biar mereka mencari maklumat sendiri
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

11. Jika **YA**, apakah perkara yang dibincangkan dengan anak tuan/puan? (**Pilihan Jawapan**)

- Perihal haid / mimpi basah
- Perihal kehamilan
- Proses kelahiran bayi
- Hubungan seksual
- Menjaga keselamatan diri dari gangguan seksual
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

12. Apakah yang tuan/puan faham/tahu mengenai modul pendidikan kesihatan reproduktif?

- Tidak tahu apa-apa
- Pendidikan berkaitan kebersihan diri sahaja
- Pendidikan berkaitan organ reproduktif lelaki dan perempuan sahaja
- Pendidikan berkaitan hubungan seks sahaja
- Pendidikan berkaitan pengetahuan dari aspek biologikal, sosiobudaya, psikologikal dan kerohanian ke arah tingkahlaku yang sihat dalam kehidupan.
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

13. Pada pendapat tuan/puan, perlukah pendidikan berkaitan kesihatan reproduktif ini diajar kepada pelajar di sekolah agama?

- Ya
- Tidak

14. Jika **TIDAK**, mengapa ?

- Akan memudaratkan / merosakkan pemikiran mereka
- Akan mendedahkan mereka kepada perkara-perkara yang tidak baik
- Akan menyebabkan mereka ingin mencuba apa yang telah disampaikan
- Belum sampai masa mereka untuk didedahkan dengan perkara sedemikian
- Tak perlu kerana mereka akan tahu sendiri
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

15. Apakah cadangan tuan/puan jika pihak LPPKN ingin melaksanakan modul pendidikan kesihatan reproduktif ini di sekolah aliran agama?

- Pengajaran perlu disampaikan oleh ustaz/ustazah sahaja
- Mengadakan pengajaran secara berasingan diantara pelajar lelaki dan perempuan
- Modul tersebut perlu disesuaikan mengikut peringkat umur pelajar
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

**TERIMA KASIH**  
**KERJASAMA ANDA MENJAWAB SOAL SELIDIK INI AMAT DIHARGAI**

**KAJIAN PENDAPAT UMUM BERTAJUK  
“AMALAN PERANCANG KELUARGA DALAM KALANGAN PEKERJA WANITA  
SEKTOR INDUSTRI DI PULAU PINANG”**

---

**1.0 ISU DAN PERMASALAHAN**

- 1.1 Bagaimanakah wanita pekerja sektor industri (definition sektor industri) mendapatkan maklumat berkaitan perancang keluarga
- 1.2 Bagaimana dan di manakah mereka mendapatkan khidmat nasihat dan kaunseling berkaitan penggunaan perancang keluarga yang sesuai
- 1.3 Di mana tempat dan waktu mereka mendapatkan bekalan perancang keluarga berikutan sektor industri terikat dengan jadual waktu bekerja berperingkat dan tempoh masa yang panjang
- 1.4 Melihat keperluan mewujudkan mobile klinik bergerak perancang keluarga kepada kumpulan sasar.

**2.0 OBJEKTIF (Explanatory studies/ Insights)**

- 2.1 Mengetahui tahap kesedaran dan pengetahuan wanita pekerja sektor industri berkaitan kepentingan amalan merancang keluarga
- 2.2 Mengenalpasti samada mereka menerima khidmat nasihat dan kaunseling sebelum mengamalkan perancang keluarga yang sesuai
- 2.3 Mengetahui di manakah mereka mendapatkan bekalan dan perkhidmatan perancang keluarga

**3.0 KUMPULAN SASAR**

- 3.1 Kumpulan sasar terdiri daripada wanita berkahwin yang bekerja dalam sektor perindustrian serta berada dalam lingkungan umur produktif
- 3.2 Responden adalah seramai 300 orang daripada 6 buah kilang terpilih iaitu 50 orang daripada setiap kilang

## **4.0 MEKANISMA PELAKSANAAN**

### 4.1 Pengurusan Sumber Manusia Kilang berkenaan

4.1.1 Mengenalpasti dan mendapatkan peserta bagi pelaksanaan program tersebut

### 4.2 Pejabat LPPKN Negeri

4.2.1 Bertanggungjawab untuk menguruskan segala urusan yang berkaitan dengan surat-menyurat/ pengurusan

### 4.3 Unit Klinikal LPPKN

4.3.1 Pelaksanaan kajian diadakan dalam talian selama 3 bulan bermula Ogos 2022 sehingga Oktober 2022

4.3.2 Satu set soalan soal selidik menggunakan “*google form*” yang akan diedarkan kepada 300 orang responden yang telah memberi persetujuan secara bertulis.

4.3.3 Mengumpul dan menganalisis data menggunakan kaedah sesuai dan terkini

## **5.0 LOKASI KAJIAN**

Dicadangkan di 6 buah kilang iaitu:-

1. Kilang B- Braun Sdn Bhd.
2. Kilang Canon Sdn. Bhd.
3. Kilang Motorola Sdn. Bhd.
4. Kilang Intel Sdn. Bhd.
5. Kilang Flextronics (Penang) Sdn. Bhd.
6. Kilang Dell Sdn. Bhd.

## **6.0. OUTPUT DAN FAEDAH**

6.1 Peningkatan kesedaran masyarakat berkaitan perancang keluarga

6.2 Peningkatan amalan perancang keluarga dalam kalangan masyarakat

6.3 Jalinan dan sokongan media sosial di peringkat masyarakat setempat sebagai alternatif kepada perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan.

## SOAL SELIDIK KAJIAN PENDAPAT UMUM LPPKN PULAU PINANG

### AMALAN PERANCANG KELUARGA DALAM KALANGAN PEKERJA WANITA SEKTOR INDUSTRI DI PULAU PINANG

---

#### **TUJUAN**

LPPKN ingin membuat kajian pendapat umum mengenai “**Amalan Perancang Keluarga dalam Kalangan Pekerja Wanita Sektor Industri di Pulau Pinang**”. Maklumat daripada tinjauan pendapat ini boleh membantu agensi yang berkaitan khususnya KPWKM dan LPPKN dalam menambah baik program kekeluargaan yang telah atau akan dilaksanakan. Maklumat yang diberikan oleh tuan/puan adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama tuan/puan mengisi soal selidik ini amat kami hargai.

#### **KRITERIA RESPONDEN**

1. Wanita berkahwin yang bekerja dalam sektor perindustrian serta berada dalam lingkungan umur produktif iaitu 15-49 tahun.
  2. Responden adalah seramai 300 orang daripada 6 buah kilang terpilih iaitu 50 orang daripada setiap kilang
- 

#### **Bahagian A: Maklumat Responden**

1. Daerah Tempat Tinggal:
  - Timur Laut Pulau Pinang
  - Seberang Perai Tengah
  - Seberang Perai Utara
  - Barat Daya Pulau Pinang
  - Seberang Perai Selatan
2. Umur:
  - 15 – 19 tahun
  - 20 – 24 tahun
  - 25 – 29 tahun
  - 30 – 34 tahun
  - 35 – 39 tahun
  - 40 – 44 tahun
  - 45 – 49 tahun

3. Etnik:

- Melayu
- Cina
- India
- Bumiputera Sabah
- Bumiputera Sarawak
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

4. Status Perkahwinan:

- Masih berkahwin
- Balu / Duda
- Bercerai / Berpisah

5. Tahap Pendidikan Tertinggi:

- Rendah
- Menengah
- Tertiari
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

6. Status Pekerjaan pasangan:

- Bekerja sendiri
- Pekerja kerajaan
- Pekerja swasta
- Pesara
- Tidak bekerja
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

7. Pendapatan Isi Rumah (termasuk pasangan):

- RM1,000 dan ke bawah
- RM1,001 – RM3,000
- RM3,001 – RM6,000
- RM6,001 – RM9,000
- RM9,001 dan ke atas
- Tidak dikenakan

8. Bilangan anak : ..... orang

9. Status kesihatan:

- Ya, mempunyai penyakit
- Tiada sebarang penyakit

10. Jika YA, apakah jenis penyakit yang dihadapi?

- Darah tinggi
- Kencing manis
- Migrain
- Kolestrol tinggi
- Kanser
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

**Bahagian B: Pengetahuan Tentang Perancang Keluarga**

11. Bagi setiap pernyataan, sila tandakan (/) untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan:

Bi	Pernyataan	Sangat tidak setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju
1.	Merancang keluarga merupakan satu keperluan untuk kehidupan lebih stabil / sejahtera					
2.	Penggunaan kaedah perancang keluarga adalah penting dalam memastikan kehidupan wanita yang berkualiti.					
3.	Khidmat nasihat adalah perlu sebelum memulakan sebarang kaedah perancang keluarga					
4.	Suami patut memainkan peranan utama dalam perbincangan kaedah yang sesuai untuk digunakan					
5.	Mengamalkan kaedah perancang keluarga memberi kesan sampingan yang boleh memudaratkan kesihatan					
6.	Wanita / pasangan tidak berminat menggunakan kaedah perancang keluarga kerana tidak jelas tentang penggunaanya					

12. Bagi setiap pernyataan, sila tandakan (/) untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan:

Bi	Kenyataan	Ya	Tidak	Tidak Pasti
1.	Saya menggunakan kaedah perancang keluarga dalam menjarakkan kehamilan			
2.	Saya mendapatkan khidmat nasihat sebelum menggunakan kaedah perancang keluarga yang sesuai			
3.	Saya memperkenalkan kaedah perancang keluarga kepada kenalan saya			
4.	Kaedah perancang keluarga yang saya pilih mempunyai keberkesanan yang baik untuk kesejahteraan dan kesihatan keluarga saya			
5.	Saya berpuas hati dengan kaedah perancang keluarga yang saya pilih			
6.	Saya mendapatkan khidmat dan bekalan perancang keluarga mengikut jadual yang ditetapkan			
7.	Saya faham setiap fungsi kaedah perancang yang diambil			
8.	Saya tidak mendapat kesan sampingan yang teruk sepanjang pengambilan perancang keluarga (apa jua kaedah)			

### Bahagian D: Maklumat Bekalan Perancang Keluarga

13. Bagi setiap pernyataan, sila tandakan (/) untuk menyatakan pendapat anda mengikut skala yang diberikan:

Bi	Kenyataan	Sangat tidak kerap	Tidak kerap	Kerap	Sangat kerap
1.	Saya tetap mendapatkan bekalan perancang keluarga sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)				
2.	Saya mudah mendapatkan bekalan perancang keluarga di sekitar kediaman saya				
3.	Premis untuk mendapatkan bekalan perancang keluarga terletak lebih 20 kilometer dari kediaman saya				
4.	Saya mendapatkan bekalan perancang keluarga di Klinik Kerajaan				
5.	Saya mendapatkan bekalan perancang keluarga di Klinik Swasta				
6.	Saya mendapatkan bekalan perancang keluarga di farmasi/ kedai serbaneka				
7.	Saya mendapatkan bekalan perancang keluarga di LPPKN				
8.	Saya mendapatkan bekalan perancang keluarga di Klinik Panel				

**TERIMA KASIH**  
**KERJASAMA ANDA MENJAWAB SOAL SELIDIK INI AMAT DIHARGAI**

# **KAJIAN PENDAPAT UMUM BERTAJUK “CAPAIAN INTERNET DALAM KALANGAN REMAJA DI PULAU PINANG”**

---

## **1.0- ISU DAN PERMASALAHAN**

### **ISU UTAMA**

Mengetahui pengaksesan internet dalam kalangan pengguna remaja dan kesan kepada kesihatan reproduktif dan seksualiti.

- Golongan remaja adalah pengguna internet paling ramai di Malaysia.
- Golongan remaja adalah golongan yang mendapat kurang pengawalan daripada ibu bapa.
- Kebanyakan remaja pada masa kini mempunyai peranti atau *gadget* sendiri.
- Keterdedahan remaja meningkat berkaitan isu sosial dan seksualiti di Malaysia.
- Kebanyakan Remaja mendapat maklumat reproduktif dan seksual daripada internet.
- Pusat KafeTEEN Pulau Pinang kurang dikunjungi remaja.

## **2.0 - OBJEKTIF**

- Mengenal pasti tujuan remaja melayari / akses internet.
- Mengetahui masa dan kekerapan yang digunakan untuk berada di atas talian.
- Mengetahui bilangan remaja yang mempunyai peranti sendiri.
- Mengetahui kesan ketagihan penggunaan internet/ sosial media terkini yang digunakan dalam kalangan remaja.
- Mengetahui kepentingan mendapatkan maklumat pendidikan reproduktif daripada sumber yang tepat.

## **3.0 - KUMPULAN SASARAN**

1000 orang remaja menengah atas yang berumur 16 tahun sehingga 19 tahun yang tinggal di Negeri Pulau Pinang.

## **4.0 - JANGKAAN HASIL**

Antara jangkaan hasil ialah:

- Menjadi sandaran kepada program intervensi KafeTEEN
- Menggunakan hasil dapatan sebagai perkongsian bersama ibu bapa anak remaja.
- Menjadi asas kepada LPPKN untuk meneruskan program PEKERTI kepada remaja.

## SOAL SELIDIK KAJIAN PENDAPAT UMUM LPPKN PULAU PINANG

### CAPAIAN INTERNET DALAM KALANGAN REMAJA DI PULAU PINANG

---

#### **TUJUAN**

LPPKN ingin membuat kajian pendapat umum mengenai “**Capaian Internet dalam Kalangan Remaja di Pulau Pinang**”. Maklumat daripada tinjauan pendapat ini boleh membantu agensi yang berkaitan khususnya KPWKM dan LPPKN dalam menambah baik program kekeluargaan yang telah/akan dilaksanakan. Maklumat yang diberikan oleh tuan/puan adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama tuan/puan mengisi soal selidik ini amat kami hargai.

#### **KRITERIA RESPONDEN**

Remaja yang berumur 16 – 19 tahun ke atas

---

#### **Bahagian A: Maklumat Responden**

1. Daerah Tempat Tinggal:

- Timur Laut Pulau Pinang
- Seberang Perai Tengah
- Seberang Perai Utara
- Barat Daya Pulau Pinang
- Seberang Perai Selatan

2. Jantina:

- Lelaki
- Perempuan

3. Umur:

- 16 Tahun
- 17 Tahun
- 18 Tahun
- 19 Tahun

4. Etnik:

- Melayu
- Cina
- India
- Bumiputera Sabah
- Bumiputera Sarawak
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

5. Adakah anda masih bersekolah?

- Ya
- Tidak

**Bahagian B: Pemilikan Gajet, Penggunaan dan Kesannya Terhadap Kehidupan Remaja**

6. Adakah anda memiliki sebarang peranti elektronik seperti berikut:

Jenis Peranti	Ya	Tidak
a) Telefon pintar		
b) Tablet		
c) Komputer		
d) Komputer riba		

7. Bagaimanakah cara anda memiliki peranti tersebut? (**Jika tiada peranti seperti yang dinyatakan, tandakan tidak berkaitan**)

Jenis Peranti	Beli sendiri	Ibu/ bapa	Hadiah dari seseorang	Lain-lain (Nyatakan)	Tidak berkenaan
a) Telefon pintar					
b) Tablet					
c) Komputer					
d) Komputer riba					

8. Apakah tujuan utama anda melayari internet?

- Sebagai medium pembelajaran di sekolah
- Berkomunikasi
- Meningkatkan pengetahuan
- Mempelajari benda baharu
- Hiburan
- Untuk melepaskan tekanan
- Untuk mengetahui isu – isu semasa
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

9. Dalam sehari, apakah platform media sosial yang sering anda akses dan berapakah tempoh masa (jam) secara purata yang anda ambil ketika mengakses laman tersebut?

<b>Platform media sosial</b>	<b>Ya/Tidak</b>	<b>Jam</b>
a) Youtube		
b) Facebook		
c) Twitter		
d) Instagram		
e) Telegram		
f) TikTok		
g) WhatsApp		
h) Permainan atas talian (Mobile Legend, PUBG, DOTA dll)		
i) Lain-lain (Nyatakan) :		

10. Sila nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan pernyataan berikut:

<b>Bil</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>
i.	Saya terlibat dalam cinta siber atau blind date dengan rakan chatting yang tidak dikenali.		
ii.	Saya berimajinasi tentang seks selepas melayari laman web pornografi (gambar, video, cerita lucah).		
iii.	Internet memperkenalkan saya tentang dunia seks.		
iv.	Saya melihat gambar - gambar lucah melalui media sosial.		
vi.	Menurut saya video pornografi dibuat hanya untuk meningkatkan ghairah seksual sahaja.		
v.	Menonton video pornografi akan menyebabkan ketagihan yang teruk.		

vii.	Internet banyak mendedahkan hal-hal berkaitan pornografi.		
viii.	Masa tidur saya terganggu kerana sering melayari internet.		
ix.	Masa yang diluangkan di internet menyebabkan saya hilang tumpuan pada pelajaran.		

### **Bahagian C: Kesedaran Berkaitan Kesihatan Reproduksi**

11. Sila nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan pernyataan berikut:

<b>Bil</b>	<b>Pernyataan</b>	<b>Ya</b>	<b>Tidak</b>	<b>Tidak pasti</b>
i.	Hanya lelaki yang perlu menggunakan alat kontraseptif untuk mencegah kehamilan			
ii.	Seorang wanita tidak boleh hamil jika melakukan hubungan seks sekali sahaja			
iii.	Memeluk dan mencium boleh diterima selagi tidak membawa kepada persetubuhan			
iv.	Melakukan hubungan seks dengan wanita yang sedang haid tidak akan menyebabkan kehamilan.			
vi.	Melakukan hubungan seks tanpa perlindungan dengan hanya satu pasangan adalah selamat			

12. Sila nyatakan sama ada anda bersetuju atau tidak dengan pernyataan berikut:

Bil	Pernyataan	Ya	Tidak	Tidak pasti
i.	Pendidikan seksualiti untuk remaja akan mengurangkan masalah sosial.			
ii.	Kehamilan awal dalam kalangan remaja akan memberi kesan kepada kesihatan ibu dan bayi.			
iii.	Penyalahgunaan bahan dan pengambilan alkohol yang berlebihan boleh mempengaruhi badan dan pemikiran seseorang.			
iv.	Bertukar-tukar pasangan seks mendedahkan seseorang itu kepada risiko Penyakit Jangkitan Seksual.			
vi.	Seks di kalangan remaja yang belum berkahwin adalah masalah sosial yang serius.			

#### Bahagian D: Kepentingan Sistem Sokongan

13. Adakah anda tahu berkenaan **Pusat Remaja KafeTeen** di Pulau Pinang?

- Ya
- Tidak

14. Berikut adalah beberapa perkhidmatan yang ada disediakan di **Pusat Remaja KafeTEEN**. Sebagai seorang remaja, nyatakan 3 perkhidmatan yang paling diperlukan oleh anda. **(Pilihan Jawapan)**

- Bengkel dan seminar
- Kaunseling remaja
- Klinik kesihatan reproduktif dan seksualiti
- Kelab sahabat
- Mini Perpustakaan
- Aktiviti *indoor games*
- Pendidikan kesihatan reproduktif dan sosial remaja
- Aktiviti sukarelawan
- Aktiviti rekreasi

15. Sila tandakan ( / ) terhadap 3 bentuk sokongan yang anda sangat perlukan sebagai seorang remaja. **(Pilihan Jawapan)**

- Kesihatan Perempuan
- Kesihatan Lelaki
- Seksualiti
- Merokok/ Penyalahgunaan dadah
- Perhubungan berbeza jantina
- Pengurusan berat badan
- Kesihatan mental

16. Adakah anda rasa kumpulan sokongan / *support group* sangat penting dalam hidup anda?

- Ya
- Tidak
- Tidak pasti

**TERIMA KASIH**  
**KERJASAMA ANDA MENJAWAB SOAL SELIDIK INI AMAT DIHARGAI**

**KAJIAN PENDAPAT UMUM BERTAJUK  
“PANDANGAN IBU BAPA BERHUBUNG PERMASALAHAN SOSIAL DALAM  
KALANGAN REMAJA DI DAERAH KINTA DAN KAMPAR”**

---

## **1.0 ISU DAN PERMASALAHAN**

Masalah sosial dalam kalangan remaja Malaysia sering dikaitkan dengan kegagalan remaja dalam aspek pemikiran. Secara teori, remaja sepatutnya mampu membina pemikiran yang rasional dan dapat menyelesaikan masalah dengan baik. Tinjauan pendapat ini bertujuan membina persekitaran psikologi sejahtera untuk membantu perkembangan kognitif afektif sosial dan pertumbuhan saraf otak yang optimum.

## **2.0 OBJEKTIF**

Objektif yang ingin dicapai melalui kajian tinjauan pendapat umum adalah seperti berikut :

- iv. Mengenalpasti kelaziman berlakunya masalah gejala sosial di kalangan remaja; (i.e *prevalence incidence*)
- v. Mengenal pasti sebab berlakunya masalah gejala sosial di kalangan remaja;
- vi. Mengetahui hubungan dan penglibatan ibu bapa dalam menangani masalah gejala sosial di kalangan anak remaja di daerah Kinta dan Kampar.

## **3.0 KUMPULAN SASAR**

Suami atau isteri yang berumur 18 tahun ke atas dan mempunyai anak remaja berusia 13 hingga 24 tahun di sekitar daerah Kinta dan Kampar di negeri Perak.

## **4.0 JANGKAAN HASIL**

Antara jangkaan hasil ialah :

- iii. Menjadi asas kepada penawaran kursus pembangunan keluarga dan modul yang bersesuaian kepada kumpulan sasaran khususnya dalam kalangan remaja;
- iv. Penemuan data ini membantu dalam menyediakan satu model pelan tindakan yang strategik untuk diguna pakai oleh pihak agensi yang berkepentingan atau kerajaan negeri

## SOAL SELIDIK KAJIAN PENDAPAT UMUM LPPKN PERAK

### PANDANGAN IBU BAPA BERHUBUNG PERMASALAHAN SOSIAL DALAM KALANGAN REMAJA DI DAERAH KINTA DAN KAMPAR, PERAK

---

#### TUJUAN

LPPKN ingin membuat kajian pendapat umum mengenai “**Pandangan Ibu Bapa Berhubung Permasalahan Sosial dalam Kalangan Remaja di Daerah Kinta dan Kampar, Perak**”. Maklumat daripada tinjauan pendapat ini boleh membantu agensi yang berkaitan khususnya KPWK dan LPPKN dalam menambah baik program kekeluargaan yang telah atau akan dilaksanakan. Maklumat yang diberikan oleh tuan/puan adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama tuan/puan mengisi soal selidik ini amat kami hargai.

#### KRITERIA RESPONDEN

Ibu/bapa yang mempunyai anak remaja berumur 13 tahun hingga 24 tahun.

---

#### **Bahagian A: Maklumat Responden**

1. Daerah Tempat Tinggal:

- Kinta
- Kampar

2. Jantina:

- Lelaki
- Perempuan

3. Umur (tahun): .....

4. Bilangan anak remaja (13 – 24 tahun) ; ..... orang

5. Etnik:

- Melayu
- Cina
- India
- Bumiputera Sabah
- Bumiputera Sarawak
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

6. Status Perkahwinan:

- Masih berkahwin
- Balu/Duda
- Bercerai/Berpisah

7. Tahap Pendidikan Tertinggi:

- Rendah
- Menengah
- Tertiari
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

8. Status Pekerjaan:

- Bekerja sendiri
- Pekerja kerajaan
- Pekerja swasta
- Pesara
- Tidak bekerja (termasuk suri rumah)
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

9. Pendapatan Isi Rumah (termasuk pasangan):

- RM1,000 dan ke bawah
- RM1,001 – RM3,000
- RM3,001 – RM6,000
- RM6,001 – RM9,000
- RM9,001 dan ke atas
- Tidak dikenakan

## Bahagian B: Punca Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja

10. Pada pandangan tuan / puan, adakah masalah sosial dalam kalangan remaja pada hari ini dilihat semakin serius?

- Sangat setuju
- Setuju
- Tidak pasti
- Tidak setuju
- Sangat tidak setuju

11. Apakah perasaan tuan / puan jika anak – anak terjebak dalam permasalahan sosial ini?

- Sangat risau
- Risau
- Tidak risau
- Tidak pasti

12. Bagaimanakah hubungan tuan / puan dengan anak – anak?

- Sangat baik
- Baik
- Tidak pasti
- Tidak baik
- Sangat tidak baik

13. Sejauh manakah tuan / puan bersetuju bahawa faktor berikut boleh mempengaruhi remaja yang terlibat dengan masalah sosial.

<b>Pernyataan</b>	<b>Sangat Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Pasti</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat setuju</b>
i) Diri sendiri					
ii) Rakan sebaya					
iii) Media massa					
iv) Media sosial					
v) Ibu bapa					
vi) Ahli keluarga lain					

14. Adakah tuan / puan bersetuju dengan kenyataan berikut dimana faktor latar belakang keluarga menyebabkan remaja terlibat dengan masalah sosial.

<b>Pernyataan</b>	<b>Sangat Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Setuju</b>	<b>Tidak Pasti</b>	<b>Setuju</b>	<b>Sangat setuju</b>
i) Ibu bapa sering melakukan tabiat kurang baik dalam rumah seperti memakihamun, berjudi dan sebagainya.					
ii) Ibu bapa selalu bersikap pilih kasih terhadap adik beradik lain.					
iii) Ibu bapa mempunyai pendapatan yang rendah membuatkan remaja jarang memperoleh apa yang dikehendaki					
iv) Ibu bapa jarang berada di rumah kerana sering sibuk dengan kerja					
v) Ibu bapa jarang mengamalkan ajaran agama					
vi) Ibu bapa kurang berkomunikasi tentang keperluan dan masalah yang dihadapi oleh anak remaja					
vii) Ibu bapa terlalu tegas dan selalu memberi hukuman yang keras jika melakukan kesalahan					
viii) Ibu bapa sering bertengkar antara satu sama lain dan menyebabkan suasana rumah kurang aman.					
ix) Ibu bapa jarang memberi motivasi dan sokongan serta pujian terhadap perkara yang dilakukan anak remaja					

### Bahagian C: Hubungan dan Penglibatan Ibu Bapa

15. Berdasarkan pernyataan berikut, nyatakan jawapan anda.

Pernyataan	Ya	Tidak	Tidak pasti
i) Adakah tuan / puan peka dengan perubahan emosi atau tingkah laku anak-anak di rumah?			
ii) Adakah tuan / puan peka dengan perbezaan di antara umur remaja dengan tahap kesedaran emosi atau tingkahlaku yang ditonjolkan?			
iii) Adakah anak remaja tuan / puan lebih kerap meluangkan masa bersama rakan berbanding dengan tuan / puan sendiri?			

16) Berdasarkan pernyataan berikut, nyatakan jawapan anda.

Pernyataan	Tidak pernah	Kadang - kadang	Selalu
i) Adakah tuan / puan memantau pergerakan aktiviti harian anak remaja?			
ii) Adakah tuan / puan berkomunikasi dengan anak remaja tentang keperluan dan masalah yang dihadapi oleh mereka?			
iii) Adakah tuan / puan ambil tahu dengan siapa anak-anak berkawan?			
iv) Adakah tuan / puan pernah berbual dengan anak tentang kesan buruk jika terlibat dengan aktiviti tidak sihat?			
v) Adakah tuan / puan memantau aktiviti dan penglibatan anak-anak dalam media sosial?			
vi) Adakah tuan / puan menetapkan syarat keizinan untuk anak jika ingin melakukan sesuatu aktiviti?			
vii) Adakah tuan / puan akan mengenakan hukuman jika anak-anak melakukan kesalahan?			
viii) Adakah tuan / puan menerapkan nilai-nilai kegamaan yang secukupnya kepada anak-anak?			
ix) Adakah anak tuan / puan suka menghabiskan masa di luar rumah pada waktu malam?			

**TERIMA KASIH**  
**KERJASAMA TUAN/PUAN MEJAWAB SOAL SELIDIK INI AMAT DIHARGAI**

**KAJIAN PENDAPAT UMUM BERTAJUK  
“PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN IBU BAPA DI NEGERI SELANGOR  
MENGENAI ISU KESIHATAN MENTAL”**

---

**1.0 ISU DAN PERMASALAHAN**

Kesedaran terhadap kesihatan mental dalam kalangan ahli keluarga di Selangor

Menurut suatu laporan teknikal yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada Disember 2017, 29.2% orang dewasa (16 tahun dan ke atas) dan 12.1% kanak-kanak di Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.

Kerajaan Selangor bimbang dengan laporan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang mendedahkan masalah kesihatan mental dialami rakyat negara ini meningkat sehingga dua kali ganda setakat Jun tahun ini berbanding 2020.

Statistik ini menjadikannya sebagai masalah kesihatan kedua terbesar yang membelenggu rakyat Malaysia selepas penyakit jantung. Dengan tekanan tambahan yang dialami dari aspek kesihatan, mental dan kewangan yang berpunca daripada pandemik COVID-19 berpanjangan, peratusan tersebut berkemungkinan telah meningkat sepanjang dua tahun ini.

**2.0 OBJEKTIF**

Objektif yang ingin di capai dalam kajian ini adalah seperti berikut:

Objektif Umum:

- Mengetahui tahap kesedaran kesihatan mental dalam keluarga
- Mengetahui tahap kesedaran individu mengenai kesihatan mental dirinya;
- Mengetahui tahap kesedaran individu mengenai kesihatan mental ahli keluarga; dan

Objektif Khusus:

- I. Mengetahui tahap kesedaran mereka berkenaan penggunaan ujian saringan DASS21.
- II. Mengetahui tahap pengetahuan tentang cara mendapatkan informasi berkenaan isu kesihatan mental.

### **3.0 KUMPULAN SASAR**

Minimum 1000 Orang Ibu / bapa yang mempunyai anak remaja berusia 13 hingga 24 tahun di Selangor.

### **4.0 JANGKAAN HASIL**

Antara jangkaan hasil adalah:

Output:

1000 Orang Ibu / bapa yang mempunyai anak remaja berusia 13 hingga 24 tahun di Selangor yang ada kesedaran tentang tahap kesihatan mental.

Outcome:

- I. Menjadi asas kepada pengurusan program yang akan dijalankan oleh LPPKN Negeri Selangor; dan
- II. Hebahan penemuan kajian kepada media massa.

## **SOAL SELIDIK KAJIAN PENDAPAT UMUM LPPKN SELANGOR**

### **PENGETAHUAN DAN PENGALAMAN IBU BAPA DI NEGERI SELANGOR MENGENAI ISU KESIHATAN MENTAL**

---

#### **TUJUAN**

LPPKN ingin membuat kajian pendapat umum mengenai “**Pengetahuan dan Pengalaman Ibu Bapa di Negeri Selangor Mengenai Isu Kesihatan Mental**”. Maklumat daripada tinjauan pendapat ini boleh membantu agensi yang berkaitan khususnya KPWKM dan LPPKN dalam menambah baik program kekeluargaan yang telah atau akan dilaksanakan. Maklumat yang diberikan oleh tuan/puan adalah rahsia dan hanya akan digunakan untuk tujuan kajian ini sahaja. Kerjasama tuan/puan mengisi soal selidik ini amat kami hargai.

#### **KRITERIA RESPONDEN**

Ibu/bapa yang mempunyai anak berumur 13 tahun hingga 24 tahun.

---

#### **Bahagian A: Maklumat Responden**

1. Daerah tempat tinggal:

- Petaling
- Hulu Langat
- Klang
- Gombak
- Kuala Langat
- Sepang
- Kuala Selangor
- Hulu Selangor
- Sabak Bernam

2. Jantina:

- Lelaki
- Perempuan

3. Umur (tahun): .....

4. Etnik:

- Melayu
- Cina
- India
- Bumiputera Sabah
- Bumiputera Sarawak
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

5. Status perkahwinan:

- Masih berkahwin
- Balu / Duda
- Bercerai / Berpisah

6. Tahap pendidikan tertinggi:

- Rendah
- Menengah
- Tertiari
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

7. Status pekerjaan:

- Bekerja sendiri
- Pekerja kerajaan
- Pekerja swasta
- Pesara
- Tidak bekerja (termasuk suri rumah)
- Lain – lain (Nyatakan) : .....

8. Pendapatan isi rumah (termasuk pasangan):

- RM1,000 dan ke bawah
- RM1,001 – RM3,000
- RM3,001 – RM6,000
- RM6,001 – RM9,000
- RM9,001 dan ke atas
- Tidak dikenakan

9. Bilangan anak remaja (13 – 24 tahun) : ..... orang

## Bahagian B: Pengetahuan Mengenai Kesihatan Mental

10. Mengikut kefahaman dan pengalaman tuan/puan, adakah tanda-tanda berikut adalah merupakan tanda-tanda kepada masalah kesihatan mental.

Tanda-tanda	Ya	Tidak	Tidak pasti
i) Mudah marah / meradang			
ii) Resah gelisah (anxiety)			
iii) Kerisauan berlebihan			
iv) Letih lesu			
v) Masalah tidur (susah tidur atau mudah tertidur)			
vi) Perubahan selera makan			
vii) Penyalahgunaan dadah dan alkohol			
viii) Memikir atau bercakap tentang bunuh diri			
ix) Suka menyendiri			
x) Perubahan personaliti yang ketara			
xi) Tingkahlaku agresif			
xii) Murung (depression)			

11. Dalam setahun lepas, pernahkah **tuan / puan sendiri** mengalami salah satu atau lebih masalah-masalah seperti diatas?

- Ya
- Tidak

